

Ahli PBS diseru ikut jejak Jeffrey Kitingan

KOTA KINABALU 3 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari mengajak ahli-ahli Parti Bersatu Sabah (PBS) yang sudah bosan dengan parti itu supaya mengikuti jejak langkah Datuk Dr. Jeffrey Kitingan menyertai Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri mengalu-alukan keputusan yang diambil oleh Dr. Jeffrey itu yang disifatkan langkah membawa Sabah ke era pembangunan selaras dengan Wawasan 2020.

“Kita mengalu-alukan penyertaan Jeffrey ke dalam Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) khususnya BN seperti mana juga kita mengalu-alukan ahli-ahli PBS yang lain yang sudah bosan dengan PBS...dan menolak PBS untuk menyertai BN,” katanya kepada para wartawan pada sidang akhbar di akhir lawatan dua harinya ke negeri ini, di sini petang ini.

Dr. Jeffrey telah mengumumkan penyertaannya ke dalam AKAR di hadapan Dr. Mahathir sekaligus membatalkan hasratnya untuk menubuhkan Parti Demokratik Sabah Bersatu (PDSB) dalam satu sidang akhbar semalam.

Menurut Dr. Mahathir, beliau sedar kemenangan dan kebolehan BN untuk membentuk kerajaan ialah kerana ramai di antara anggota PBS sendiri yang sudah hilang kepercayaan terhadap kepimpinan presiden parti itu, Datuk Joseph Pairin Kitingan.

“Jadi siapa saja di antara ahli-ahli PBS yang berhasrat menyertai BN... kita terima sahajalah,” katanya.

Kemasukan

Ketika ditanya adakah BN juga bersedia menerima Pairin atau bekas Presiden USNO, Datuk Datu Amir Kahar Tun Datu Mustapha jika kedua-dua pemimpin itu berhasrat menyertai BN, Dr. Mahathir berkata, “Yang tu... kita kena fikir mendalamlah sedikit.”

Sementara itu, Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai berkata, kemasukan Dr. Jeffrey ke dalam AKAR tidak akan menjejaskan keputusan Kabinet yang menggugurkan namanya sebagai Pengarah Yayasan Sabah.

Beliau menegaskan : “Keputusan Kabinet telah dibuat. Keputusan itu

adalah muktamad dan tiada sebarang perubahan boleh dibuat.”

Kabinet Sabah yang bermesyuarat buat pertama kali Selasa lalu telah menggugurkan Dr. Jeffrey daripada jawatannya sebagai Pengarah Yayasan Sabah dan penggantinya akan diumumkan tidak lama lagi. - 4 APR 1994

Kabinet juga telah bersetuju dengan perantikan ahli lembaga amanah Yayasan Sabah dan ahli lembaga pengarah Innoprise Corporation yang baru.

Mengenai kemasukan Dr. Jeffrey ke dalam AKAR, Sakaran mengalu-alukan langkah positif itu.

Beliau berharap Dr. Jeffrey dapat menjalankan peranan dengan jujur dan ikhlas bersama rakan-rakan lain dalam menyatu-padukan rakyat dan membangunkan negeri ini.

Sementara itu, Dr. Jeffrey turut menghantar Dr. Mahathir dan rombongan di Lapangan Terbang Lama Kota Kinabalu untuk berlepas ke Kuala Lumpur.